

06 MAR 2001  
Aidiladha (Rangkuman)/Bergambar  
UMAT ISLAM SAMBUT AIDILADHA HARI INI

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Umat Islam hari ini menyambut Aidiladha di sebalik seruan untuk kembali bersatu semula sebagai bukti keinsafan seperti yang dituntut oleh ibadah korban.

Beribu-ribu muslimin membanjiri masjid-masjid di seluruh negara untuk bersolat dan menyempurnakan ibadah korban.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan sempena Hari Raya Korban meminta umat Islam merapatkan barisan dan mengikat hubungan silaturahim sesama mereka seperti yang dituntut oleh ajaran Islam.

Di PELABUHAN KLANG, Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah menunaikan solat Aidiladha bersama kira-kira 1,000 umat Islam di Masjid Sultan Abdul Aziz Shah di Pulau Indah di sini.

Ini adalah kali pertama Seri Paduka menunaikan solat sunat itu di masjid berkenaan semenjak ditabalkan menjadi Yang di-Pertuan Agong pada 1999.

Turut bersama Seri Paduka ialah Pemangku Raja Selangor, Tengku Idris Shah, Menteri Besar Selangor Datuk Dr Mohd Khir Toyo, Speaker Dewan Undang Negeri Selangor Datuk Seri Onn Ismail, beberapa anggota exco Kerajaan Negeri dan anggota Dewan Undangan Negeri serta orang-orang kenamaan lain.

Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah tidak turut serta kerana sedang menunaikan fardhu haji di Tanah Suci dan dijangka berangkat balik pada 13 Mac ini.

Sejurus sembayang selesai, Seri Paduka bersama umat Islam yang lain menyertai majlis korban yang diadakan di perkarangan masjid itu dengan baginda menyumbang empat ekor lembu manakala Pemangku Raja Selangor mengorbankan seekor lembu.

Di ALOR SETAR, Dr Mahathir menunaikan solat sunat Aidiladha bersama hampir 10,000 orang jemaah yang hadir di masjid baru, Masjid Al-Bukhary, Jalan Langgar.

Masjid itu terletak dalam kawasan Kompleks Islam Al-Bukhary dan merupakan antara masjid yang terindah daripada segi senibinanya dan bakal menjadi mercu tanda negeri ini.

Perdana Menteri tiba untuk solat di masjid itu pada pukul 8.00 pagi dengan diimamkan oleh Haji Kassim Ismail manakala khutbah dibacakan oleh Syeikh Ahmad Salleh daripada Jabatan Agama Islam Negeri Kedah.

Selepas solat Dr Mahathir mengambil masa selama setengah jam untuk bersalaman dengan jemaah yang hadir, yang berasak-asak mengerumuni beliau di luar perkarangan masjid.

Beliau kemudian berlepas menziarahi pusara ayahanda dan bondanya di Kawasan Perkuburan Islam Akar Peluru, Jalan Pegawai.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, merenjis air mawar dan menabur bunga rampai di pusara ayahnya, Allahyarham Mohamad Iskandar dan ibunya, Allahyarhamah Wan Tempawan Wan Mohd Saman.

Selepas itu, Dr Mahathir mengambil kesempatan melawat isteri rakannya, Khatijah Hashim, 76, yang begitu uzur tinggal di rumah berhampiran kawasan perkuburan itu.

Rakan perjuangannya dalam politik itu, Othman Hanafiah, 83, juga agak uzur dan terpaksa menggunakan kerusi roda ketika turut bersama-sama hadir melawat pusara ibu dan ayah Perdana Menteri.

Dr Mahathir kemudian ke Istana Anak Bukit untuk mengadap Sultan Kedah dan selepas itu akan meraikan tetamu di rumah terbukanya sempena Aidiladha di Dewan Jitra. NB068

Di PULAU PINANG, Yang diPertua Negeri, Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir menyertai 1,000 umat Islam menunaikan sembayang sunat Adiladha di Masjid Negeri.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyertai lebih 1,000 umat Islam bersembayang hari raya korban di Masjid Jamiul Badawi di Kepala Batas.

Abdullah kemudiannya meninjau penyembelihan korban yang dianjurkan oleh penduduk kawasan Dewan Undangan Negeri Bertam di masjid berkenaan.

Beliau turut meninjau penyembelihan korban oleh penduduk kawasan Dewan Undangan Negeri Pinang Tunggal di masjid baru Pinang Tunggal dan bagi kawasan Dewan Undangan Negeri Penaga di masjid Penaga.

Di KUALA TERENGGANU, Sultan Terengganu menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Al-Muktafiyillah Shah, Ladang.

Baginda diiringi Menteri Besar Abdul Hadi Awang, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Mazlan Hashim, anggota Exco dan pegawai tinggi kerajaan negeri Terengganu.

Selepas solat, Baginda dengan diiringi Hadi menziarahi makam almarhum Sultan Mahmud serta makam kekanda baginda, Tengku Farah di perkarangan masjid itu.

Tengku Farah meninggal dunia pada 25 Feb lepas kerana diserang angin ahmar.

Sementara itu, suasana Hari Raya Korban di negeri ini disambut agak sederhana dengan hujan turun sejak awal pagi lagi menyebabkan orang ramai agak sukar mengunjungi rumah saudara mara dan sahabat handai.

Di LANGKAWI, Raja Muda Kedah bersolat sunat Aidiladha bersama kira-kira 1,000 umat Islam di Masjid Al Hana' Kuah.

Baginda kemudian bersalaman dengan jemaah sebaik sahaja selesai bersolat. Umat Islam juga menunaikan solat di semua 25 buah masjid lagi di diseluruh pulau ini, sambutanannya diadakan secara sederhana tapi meriah.

Sementara itu Langkawi turut menjadi tumpuan pelancong dari dalam dan luar negeri yang mengambil peluang bercuti sambil berehat sempena cuti perayaan itu.

Di ARAU, Raja dan Raja Perempuan Perlis berangkat menyertai ribuan rakyat jelata menunaikan sembahyang sunat Aidiladha di Masjid Negeri di sini.

Turut mengiringi baginda berdua ialah Raja Perempuan Besar Perlis iaitu bonda Raja Perlis.

Raja dan Raja Perempuan Perlis turut berkenan menerima menghadap para pembesar dan rakyat jelata pada majlis rumah terbuka di Istana Arau mulai pukul 9.30 pagi.

Di KOTA BAHARU, Sultan dan Raja Perempuan Kelantan menunaikan solat sunat Aidiladha bersama rakyat di Masjid Muhammadi.

Baginda berdua kemudiannya menemui rakyat di Istana Balai Besar yang terletak berdekatan masjid itu.

Selepas majlis itu, baginda diiringi Raja Perempuan Kelantan menuju ke Makam Diraja Langgar di sini, untuk menziarahi makam ayahanda dan bondanya serta kerabat diraja yang lain.

Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menunaikan solat berkenaan di Masjid Pulau Melaka yang terletak berhampiran rumahnya.

Di MELAKA, Yang diPertua Negeri, Tun Syed Ahmad Shahabudin menyertai 7,000 umat Islam menunaikan sembahyang sunat Adiladha di Masjid Al-Azim di Bukit Palah.

Di KOTA BAHARU, Sultan dan Raja Perempuan Kelantan menunaikan solat sunat Aidiladha bersama rakyat di Masjid Muhammadi.

Baginda berdua kemudiannya menemui rakyat di Istana Balai Besar yang terletak berdekatan masjid itu.

Selepas majlis itu, baginda diiringi Raja Perempuan Kelantan menuju ke

Makam Diraja Langgar di sini, untuk menziarahi makam ayahanda dan bondanya serta kerabat diraja yang lain.

Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menunaikan solat berkenaan di Masjid Pulau Melaka yang terletak berhampiran rumahnya.

Di MELAKA, Yang diPertua Negeri, Tun Syed Ahmad Shahabudin menyertai 7,000 umat islam menunaikan sembahyang sunat adiladha di Masjid Al-Azim di Bukit Palah.

Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam pula menunaikan solat berkenaan di Masjid Bukit Katil yang terletak berhampiran rumahnya.

Suasana hari raya korban di negeri ini disambut sederhana dengan hujan renyai pada sebelah pagi.

Di KOTA KINABALU, Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai menunaikan solat Aidiladha bersama kira-kira 800 umat Islam di Masjid Negeri, Sembulan. Turut serta ialah isteri Toh Puan Hajah Siti Rukaiyah Datuk Panglima Abdullah.

Di JOHOR BAHARU, Tengku Mahkota Johor, Tengku Ibrahim berkenan menunaikan solat sunat Aidiladha bersama kira-kira 1,000 orang umat Islam di Masjid Pasir Pelangi.

Hadir sama ialah Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Zinalabidin Mohamed Zin, ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri dan ketua-ketua jabatan.

Upacara berkorban pula dilakukan sebaik sahaja solat sunat Aidiladha dijalankan di beberapa buah masjid di daerah ini.

Sebanyak 700 ekor lembu akan dikorbankan di seluruh negeri, sementara Menteri Besar telah menyumbangkan dua ekor lembu di kawasan Dewan Undangan Negerinya di Ledang, Muar.

--BERNAMA

RAM ES PR